PP

lwn.

JAMILAH JAMLUS

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR STAR
ZAINAL ADZAM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-16-2005]
11 MAC 2007

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Homisid salah tidak sampai membunuh - Mangsa seorang wanita tua - Mangsa diserang dengan amat kejam dan ganas - Hukuman wajar - Kanun Keseksaan, s. 304(a)*

Perayu, 39 tahun, telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan terpinda di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kematian seorang perempuan tua berumur 86 tahun. Fakta menunjukkan bahawa pada hari tersebut perayu telah pergi ke rumah si mati kira-kira jam 10 malam untuk meminjam wang sebanyak RM1,000. Si mati tidak memenuhi permohonan perayu, namun menjemput perayu bermalam di rumahnya dan perayu bersetuju. Berikutnya, semasa si mati tertidur di hadapan TV, perayu telah mengambil sebilah pisau di dapur dan cuba mencungkil gelang tangan emas yang dipakai si mati. Oleh kerana si mati menjerit dan terus menjerit, maka perayu telah menutup muka si mati dengan bantal, mengetuk kepala si mati dengan pisau beberapa kali, mengelar leher si mati, mengheret si mati ke bilik air dan seterusnya mengetuk kepala, dahi dan mulut si mati dengan seketul batu penggiling sehinggalah si mati menemui ajalnya. Perayu kemudian mengambil gelang si mati dan menjualnya dengan harga RM1,700. Di hadapan yang arif hakim di sini, persoalan yang berbangkit adalah apakah hukuman yang sesuai dan selayaknya yang harus dijatuhkan terhadap perayu mengambilkira hukuman penjara maksima 20 tahun yang dibenarkan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan.

Diputuskan:

(1) Perayu telah melakukan serangan ke atas mangsa dan membunuhnya secara yang amat ganas. Perayu telah menyerang dan memukul mangsa dengan pisau dan batu penggiling sehinggalah mangsa mati hanya untuk gelang tangan. Mangsa telah bermurah hati kepada perayu dengan menjemput perayu tidur di rumahnya. Balasan perayu kepada mangsa yang tua dan tidak berupaya menahan dirinya daripada serangan merupakan satu tindakan yang tidak ada perikemanusiaan dan amat kejam. (perenggan 3)

A **(2)** Dalam keadaan kes ini, pengakuan salah perayu serta fakta bahawa perayu tidak mempunyai apa-apa rekod sabitan lampau hanya boleh diberikan pertimbangan yang minima demi kepentingan awam. Oleh yang demikian, perayu dihukum 19 tahun penjara daripada tarikh dia ditangkap. (perenggan 5)

B **Kes-kes yang dirujuk:**
PP v. Govindanan Chinden Nair [1998] 2 CLJ 370 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 302, 304(a)

C *Bagi pihak PP - Suraya Harany TPR*
Bagi pihak tertuduh - Rahamatullah Baharudeen; T/n Rahamat & Mahsuri

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

D

PENGHAKIMAN

Zainal Adzam H:

[1] Perayu pada asalnya telah dihadapi pertuduhan membunuh dibawah
E s. 302 Kanun Keseksaan. Selepas merayu kepada pihak Peguam Negara pertuduhan terhadap perayu telah dipinda kepada kesalahan dibawah s. 304(a) Kanun Keseksaan. Berikutan itu perayu telah mengaku salah dan telah akui fakta kes yang dikemukakan oleh pihak timbalan pendakwa raya (P3) sepertimana berikut:

F **Fakta Kes**

1. Pada 9/11/03 pada jam lebih kurang 10.00 malam, tertuduh pergi ke rumah simati.

2. Tertuduh telah pergi ke rumah simati dengan tujuan untuk
G meminjam wang daripada simati. Tertuduh telah meminta simati untuk meminjamkan kepadanya RM1,000. Namun begitu simati enggan memberi pinjaman tersebut kepada tertuduh dengan alasan bahawa dia tidak mempunyai duit. Pada masa yang sama tertuduh melihat simati memakai seutas gelang tangan.

H 3. Semasa menonton tv, simati mengajak tertuduh untuk tidur di rumahnya. Setelah simati terlena di hadapan tv, tertuduh kemudiannya telah pergi ke dapur dan mengambil sebilah pisau dan cuba untuk mencungkil gelang tangan yang dipakai oleh simati. Simati terjaga lalu menjerit. Tertuduh kemudiannya telah
I mengambil sebuah bantal dan menutup muka simati. Oleh kerana simati masih lagi menjerit meminta tolong, tertuduh telah meniarapkan simati dan kemudiannya telah mengetuk kepala

simati dengan pisau tersebut beberapa kali. Namun begitu, simati masih terus menjerit. Tertuduh kemudiannya telah mengelar leher simati beberapa kali. Simati masih terus menjerit.

4. Tertuduh kemudiannya memegang rambut simati dan mengheret simati daripada hadapan tv ke dalam bilik air. Simati pada masa yang sama masih terus bergerak dan menjerit. Bagi memberhentikan mangsa dari terus menjerit, tertuduh telah mengambil seketul batu penggiling yang terdapat di dalam bilik air tersebut dan terus mengetuk simati di belakang kepala. Simati kemudiannya cuba untuk bangun. Tertuduh terus mengetuk pula simati dengan batu penggiling di dahi sehingga simati jatuh. Simati masih terus menjerit meminta tolong. Tertuduh kemudiannya mengetuk pula mulut simati.

5. Selepas itu tertuduh telah membuka paip air di bilik air tersebut bagi mengelakkan jiran simati daripada terdengar kerangan simati dalam kesakitan.

6. Setelah itu tertuduh telah mengambil gelang tangan yang dipakai oleh simati.

7. Pada keesokan harinya iaitu pada 10.11.03 pada jam lebih kurang 10.45 pagi, tertuduh telah pergi ke Guan Teik Enterprise Alor Star dan menjual gelang tangan simati. Setelah dipersetujui tuan punya kedai telah membeli gelang tangan tersebut dengan harga RM1,700.

8. Keputusan bedah siasat yang dijalankan ke atas mayat simati menunjukkan bahawa terdapat kesan luka yang membelah di leher simati yang dipercayai diakibatkan oleh objek yang nipis dan tajam. Terdapat juga kesan luka dan lebam di kepala dan mulut simati yang dipercayai akibat daripada hentakan objek keras. Simati telah disahkan mati akibat daripada 'Incised Wound To The Neck'.

9. Hasil siasatan menunjukkan tindakan tertuduh mengelar leher simati dengan pisau telah mendatangkan bencana tubuh yang menyebabkan kematian simati.

10. Oleh yang demikian tertuduh telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.

[2] Perkara yang ketara dalam P3 ialah kekejaman tindakan perayu terhadap mangsa dalam percubaannya untuk merampas gelang tangan mangsa. Perayu telah mula dengan menutup muka mangsa apabila mangsa jaga daripada tidurnya dan menjerit. Selepas itu perayu telah meniarapkan mangsa dan kemudian ketuk kepala mangsa dengan pisau yang dia dapat daripada dapur untuk mencungkil gelang tangan itu. Apabila mangsa masih menjerit perayu telah mengelar leher simati

A beberapa kali. Apabila mangsa masih menjerit perayu mengheret mangsa ke dalam bilik mandi. Bagi menghentikan mangsa menjerit perayu telah mengambil batu penggiling dan mengetuk belakang kepala mangsa. Mangsa cuba bangun dan diketuk oleh perayu di dahinya sehingga mangsa jatuh. Akhirnya apabila mangsa terus menjerit minta tolong, B perayu mengetuk pula mulut simati.

[3] Dalam keadaan tersebut perayu telah melakukan serangan ke atas mangsa dan membunuhnya secara yang amat ganas. Daripada kad pengenalan mangsa dalam pertuduhan umurnya adalah lebih kurang 86 tahun semasa kejadian. Perayu semasa itu berumur lebih kurang 39 C tahun. Perayu telah menyerang dan memukul mangsa dengan pisau dan batu penggiling sehinggalah mangsa mati hanya untuk gelang tangan. Mangsa telah bermurah hati kepada perayu dengan menjemput perayu tidur di rumahnya. Balasan perayu kepada mangsa yang tua dan tidak berupaya menahan dirinya daripada serangan merupakan satu tindakan D yang tidak ada perikemanusiaan dan amat kejam. Walaupun perayu telah mengaku salah ianya hanya selepas pihak pendakwaan telah memindakan pertuduhan daripada Kanun Keseksaan kepada s. 304(a) Kanun Keseksaan. Ianya merupakan satu pengurangan daripada pertuduhan yang membawa hukuman mati kepada kesalahan yang membawa E hukuman maksima 20 tahun penjara dan denda atau kedua-duanya.

[4] Pada amnya pengakuan salah oleh tertuduh akan diterima sebagai mengurangkan hukuman yang patut dikenakan. Walau bagaimanapun ianya bukan secara automatic tetapi tertakluk kepada keadaan dan tindakan tertuduh dalam tiap-tiap kes. Kedudukannya dijelaskan oleh F Augustine Paul JC (Yang Arif sepertimana pada masa itu) dalam kes *PP v. Govindanan a/l Chinden Nair* [1998] 2 CLJ 370 HC seperti berikut:

> It is generally accepted that an accused person should be given credit or discount for pleading guilty (see *PP v. Ravindiran & Ors* [1993] 1 MLJ 45). However, as I had the occasion to observe in *Zaidon Shariff* G *v. PP* [1996] 4 CLJ 441 at p. 446:
>
> > ... Be that as it may, this rule is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in appropriate cases (see *Lee Say & Ors v. PP* [1985] 2 CLJ 155.
>
> H
>
> In my opinion, a guilty plea ought to be considered in favour of the accused only when all other factors and circumstances surrounding the commission of the offence justify such a consideration. Its application in favour of the accused depends on the circumstances of each case (see *Wong Kai Chuen Philip v. PP* [1991] 1 MLJ 231). In *PP v. Low Kok* I *Wai* [1988] 3 MLJ 123, Mohamed Dzaiddin J (as he then was) said at p. 124:

> ... In the present case, the only mitigating factor is the accused's plea of guilty. It is a principle of sentencing that whenever possible the court should take into account as a mitigating factor the fact that the accused has pleaded guilty. The extent to which a plea of guilty is a mitigating factor must depend on the facts of each case, and it cannot be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge was available to the accused (see *Archbold* (42nd Ed) para 4-480 citing *R v. Davis* [1980] 2 Cr App R (s 168).

The severity of the offence committed may outweigh the mitigating effect of a guilty (see *Lee Say & Ors v. PP* [1985] 2 CLJ 155; *Loh Hock Seng v. PP* [1980] 2 MLJ 13; *PP v. Oo Leng Swee & Ors* [1981] 1 MLJ 247). Where public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case, then the effect of such a plea must also give way. In this regard, I refer to *R v. Costen* [1989] II App R (S) 182 where Lord Lane said at p. 184:

> But there are certain exception, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and most important exception is the protection of the public. Where it should be passed in order to protect the public, in those circumstances, a plea of guilty may not result in any discount.

Thus, there can be no automatic rule that a guilty plea on its own entitles an accused to a lesser punishment.

[5] Dalam keadaan kes ini saya dapati bahawa pengakuan salah perayu serta fakta bahawa perayu tidak mempunyai apa-apa rekod sabitan yang lampau hanya boleh diberikan pertimbangan yang minima demi kepentingan awam. Oleh yang demikian perayu dihukum 19 tahun penjara daripada tarikh dia ditangkap.